

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)
SOALAN 16 (A177)**

Berapakah jumlah yang telah dicatatkan pada tahun 2019 dan tahun 2020 bagi kutipan zakat oleh kerajaan Negeri dan adakah tercatat peningkatan bagi kutipan zakat ataupun adakah berlakunya penurunan berbanding tahun-tahun yang sebelumnya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kutipan zakat sehingga Oktober 2019 adalah sebanyak RM223,204,485.68 manakala sehingga Oktober 2020 kutipan zakat adalah sebanyak RM216,708,730.40. terdapat pengurangan pada kutipan zakat sebanyak 3% berikutan daripada pandemik COVID-19.

JENIS ZAKAT	KUTIPAN 2019	KUTIPAN 2020	PENINGKATAN (%)
PENDAPATAN	RM97,405,445.67	RM101,615,021.33	4.32%
WANG SIMPANAN	RM51,475,623.56	RM41,447,547.15	-19.48%
PERNIAGAAN	RM53,967,571.92	RM54,419,749.17	0.84%
EMAS & PERAK	RM878,939.54	RM992,056.40	12.87%
TANAMAN	RM99,485.40	RM105,185.19	5.73%
TERNAKAN	RM211,052.52	RM189,003.38	-10.45%
RIKAZ	RM6,619.00	RM5,166.20	-21.95%
SAHAM	RM968,035.07	RM1,114,658.82	15.15%
KWSP	RM109,574.00	RM113,903.50	3.95%
JUMLAH	RM205,122,346.68	RM200,002,292.14	-2.50%
FITRAH	RM18,082,139.00	RM16,706,438.26	-8%
JUMLAH	RM223,204,485.68	RM216,708,730.40	-3%

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 17 (A138)**

Apakah perkembangan terkini pembinaan Jalan Paloh-Bekok? Mohon dinyatakan perincian perkembangan projek ini. Adakah kerajaan akan meletakkan keutamaan terhadap projek ini di dalam Belanjawan 2021?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Saya faham kenapa Yang Berhormat Paloh sering menekankan projek pembinaan Jalan Paloh – Bekok ini. Ia tidak boleh dinafikan lagi kerana Cadangan membina jalan dari Paloh ke Bekok ini akan dapat mengurangkan tempoh masa perjalanan dari Paloh ke Bekok yang dianggarkan dari 40minit kepada hanya 20minit masa perjalanan.

Sekiranya projek ini terlaksana, ianya juga akan menjadi jalan pelengkap yang menghubungkan bandar Kluang ke Bekok melalui Pekan Niyor, Pekan Chamek dan Pekan Paloh.

Sehubungan itu, cadangan Membina Jalan Dari Paloh Ke Bekok telah disenaraikan dalam permohonan RMK12 melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan anggaran kos sebanyak RM188 juta. Projek ini telah diletakkan dalam senarai keutamaan Rolling Plan Pertama (RP1) untuk dilaksanakan di dalam senarai cadangan projek-projek RMK12 KPLB.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 18 (A219)**

Nyatakan sejauh mana kerajaan negeri telah dan akan membantu urusan penjagaan anak-anak frontliners dan sama ada pihak kerajaan berhasrat mewajibkan semua agensi kerajaan dan swasta menyediakan TASKA di tempat kerja bagi anak jagaan di bawah umur empat tahun.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor bersama Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil maklum tentang masalah yang di hadapi oleh ibu bapa/ penjaga dalam isu penjagaan anak terutamanya kanak-kanak di bawah 4 tahun apabila ibu bapa/ penjaga keluar bekerja. Ketika ini masih belum ada sebarang peruntukkan undang-undang yang mewajibkan semua agensi kerajaan dan swasta menyediakan TASKA di tempat kerja.

JKM telah melaksanakan Kempen Penubuhan TASKA di Tempat Kerja dengan menyalurkan Geran Penubuhan TASKA Di Tempat Kerja di sektor awam untuk menyediakan khidmat asuhan gentian kepada anak-anak kakitangan. Penubuhan TASKA di Tempat Kerja ini diharap dapat menggalakkan wanita berkeluarga bekerja dan menyumbang tenaga serta kemahiran secara produktif dalam usaha meningkatkan ekonomi Negara.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan inisiatif pemberian geran penubuhan TASKA di Tempat Kerja bagi sektor awam bermula pada tahun 2019 iaitu pemberian geran penubuhan kepada 4 buah TASKA pada tahun 2019 dan 2 buah TASKA pada tahun 2020 di Negeri Johor.

Pada Tahun 2019, negeri Johor telah menerima peruntukan sebanyak RM480,000.00 bagi penubuhan TASKA Tempat Kerja Awam (TTKA) yang telah mula beroperasi pada tahun 2020. Berikut adalah merupakan senarai TASKA Di Tempat Kerja yang telah diluluskan Geran Penubuhan pada Tahun 2019 iaitu:

1. Hospital Permai Johor Bahru
2. Hospital Segamat
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
4. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor

Manakala, bagi tahun 2020, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sebanyak RM330,00.00 geran penubuhan TASKA Di Tempat Kerja Awam (TTKA) di negeri Johor. TASKA yang telah diluluskan Geran Penubuhan pada tahun 2020 ialah:

1. Hospital Mersing

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

2. Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar

Kerajaan Negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) juga mengambil langkah menubuhkan TASKA untuk membantu penjawat awam dari pelbagai jabatan yang mempunyai anak agar dapat menggunakan kemudahan dan perkhidmatan tersebut. Justeru itu, YPKDT telah menubuhkan beberapa TASKA di kawasan pentadbiran awam antaranya di TASKA YPKDT Daerah Pontian, TASKA YPKDT Daerah Batu Pahat dan TASKA YPKDT Kota Iskandar, Iskandar Puteri. Bagaimanapun, hanya TASKA YPKDT Daerah Pontian yang sedang beroperasi manakala TASKA-TASKA lain dijangka akan beroperasi pada Tahun 2021.

YPKDT juga sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan bagi mereka yang terkesan dengan pandemik Covid 19 ini termasuk memberikan perkhidmatan jagaan bagi anak-anak frontliners. Oleh itu, YPKDT turut meneruskan perkhidmatan TASKA YPKDT di Pontian bagi kakitangan *frontliners* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 19 (A157)

Berapakah kos dan gred bagi pembinaan Balai Bomba di no lot 15063 Mukim, Jalan Bakri Daerah Muar Keluasan yang mana berkeluasan 1,534 meter persegi serta kemampuan jentera dalam menangani setiap kali kebakaran di kawasan mukim Ayer Hitam?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor Bercadang Untuk Membina Sebuah Balai Bomba Gred D (Kategori Kawasan Berisiko Rendah) Di LOT 15063, Jalan Bakri Daerah Muar. Anggaran Kos Pembinaan Balai Berjumlah RM4,000,000.00. Ianya Merangkumi Bangunan Balai 1 Engine Bay, Bangunan Stor Logistik Dan Parkir Kenderaan Jabatan. Balai Ini Akan Menempatkan 1 Unit Jentera *Fire Rescue Tender* (FRT) Dengan Kekuatan Anggota Seramai 28 Orang Pegawai Yang Terdiri Daripada 1 Orang Ketua Balai, 9 Orang Pegawai Bomba Dan Akan Di Bantu Oleh 18 Orang Pegawai Bomba Bantuan (PBB).

Pada Ketika Ini Balai Bomba Dan Penyelamat Muar Akan Memberi Respon Terhadap Panggilan Kebakaran Dan Kecemasan Di Kawasan Mukim Ayer Hitam Dan Kawasan Berhampiran Dengannya. Jarak Dari Balai Bomba (BBP Muar) Adalah Lebih Kurang 25km. Balai Ini Dilengkapkan Dengan 2 Unit Jentera *Fire Rescue Tender* (FRT), 1 Unit *Water Tanker*, 1 Unit *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) Dan 3 Unit *Rapid Intervention Motorcycle* (RIM) dengan Kekuatan anggota seramai 92 orang Pegawai Bomba.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 20 (A19)**

Berapakah jumlah peruntukan dan jumlah mahasiswa anak Johor di asrama IPTA seluruh negara yang menerima bantuan tunai di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) telah diberi tanggungjawab oleh Pejabat Menteri Besar bagi mendapatkan maklumat bilangan pelajar yang terkandas di kampus seluruh IPTA berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP).
2. Pejabat Menteri Besar Johor telah bersetuju memberikan bantuan tunai berjumlah RM 200 kepada mahasiswa/i Anak Johor di Semenanjung dan RM 300 kepada mahasiswa/i Anak Johor di Sabah dan Sarawak yang terkandas di IPT.
3. Untuk makluman, jumlah keseluruhan penerima bantuan ini adalah seramai 4,926 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM 1.08 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 21 (A99)**

Kadar pengangguran akibat pandemik Covid-19 semakin membimbangkan, jelaskan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan peningkatan tahap kemahiran (upskilling), latihan semula kemahiran (reskilling) dan kemahiran yang pelbagai (multiskilling) agar Bangsa Johor yang terkesan dapat segera kembali ke pasaran kerja.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi memastikan peningkatan tahap kemahiran (upskilling), latihan semula kemahiran (reskilling) dan kemahiran yang pelbagai (multiskilling) agar Bangsa Johor yang terkesan dapat segera kembali ke pasaran kerja sepertimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Panti, kerajaan negeri menerusi agensi-agensi yang berkaitan seperti Unit Modal Insan Negeri Johor (SMI), BPEN, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO giat menggandakan usaha bagi merancang serta melaksana pelbagai program mahupun inisiatif dalam memastikan rakyat negeri ini yang telah hilang pekerjaan dan menganggur kembali ke dalam alam pekerjaan. Kerajaan negeri juga turut aktif menjalinkan hubungan kerjasama dengan GLC mahupun agensi-agensi swasta bagi usahasama pintar.

Sebagai contoh, Jawatankuasa teknikal modal insan negeri Johor sebagai jawatankuasa induk, akan diperkasakan lagi dengan jawatankuasa kecil permintaan(demand) dan penawaran (supply) yang terdiri dari agensi-agensi berkaitan dan pemain industri utama di negara ini seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Jawatankuasa kecil ini akan berperanan mengenalpasti serta mengumpul maklumat jumlah jawatan kosong mengikut permintaan pelbagai sektor industri dan penawaran oleh majikan. Informasi tersebut akan dikaji dan digunapakai bagi penentuan penawaran kursus-kursus latihan kemahiran, upskilling dan reskilling. Selain itu, kerajaan negeri menerusi agensi-agensinya giat menjalinkan kerjasama pintar bersama para majikan dari pelbagai sektor industri mahupun perkhidmatan. Dari usahasama ini, para majikan bersetuju untuk memberi jaminan akan mengambil para pelatih ini bekerja setelah tamat tempoh latihan atau kursus.

Kerajaan negeri sentiasa memandang ke hadapan dalam usaha pembangunan modal insan negeri ini terutamanya usaha menangani isu pengangguran yang seakan-akan tidak pernah akan selesai. Dalam situasi pasaran kerja dunia yang tidak menentu, kerajaan negeri terus optimis untuk meneroka bidang atau teknologi baru yang dilihat dapat memberi manfaat kepada pembangunan modal insan dan juga kemakmuran ekonomi di negeri Johor. Bagi merealisasikan visi tersebut, kerajaan negeri di bawah portfolio saya sedang dalam pelan perancangan untuk mewujudkan Johor Innovation Alliance (JIA). JIA ditubuhkan hasil kerjasama strategik yang melibatkan semua agensi di bawah portfolio saya bersama agensi-agensi swasta yang berkaitan seperti IRDA, IIB, IIBV, CREST, DBS Iskandar, Educify dan lain-lain lagi. Antara fungsi dan peranan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

JIA adalah menjalankan kajian serta mengumpul informasi terkini pasaran ekonomi dan tenaga kerja semasa. JIA juga akan mengenal pasti sektor teknologi baru yang dilihat berpotensi untuk diterokai bagi tujuan perancangan sektor pelaburan, keusahawan dan juga pembangunan modal insan. Antara sektor-sektor teknologi yang dilihat berpotensi untuk diterokai adalah teknologi digital, teknologi robotik, drone, kecerdikan buatan (AI), percetakan 3D, emerging technologies dan internet untuk segala-galanya (Internet of Things, IoT). Justeru itu, di bawah pelan jangkamasa sederhana JIA sebuah hub penyelidikan dan inovasi akan ditubuhkan bagi menyokong revolusi IR4.0 dan seterusnya merealisasikan visi menjadikan negeri Johor menjadi hub inovasi serta pengeluar produk teknologi tinggi di rantau ini selain melahirkan lebih ramai lagi modal insan berkemahiran dan berpendapatan tinggi di negeri ini.

Tidak terbatas kepada teknologi baru dan tinggi sahaja, kerajaan negeri turut merancang untuk meneroka dan membangunkan industri kreatif yang dilihat mampu meningkatkan penjanaan pendapatan ekonomi negeri mahupun negara. Bagi tujuan tersebut, kerajaan negeri telah memulakan langkah awal dengan menjalankan kajian bagi penyediaan pelan tindakan industri kreatif dengan usahasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semua usaha ini akan membantu usaha kerajaan negeri dalam mengenal pasti sektor industri serta bidang latihan yang perlu diberi perhatian agar lebih tersasar dan tidak merugikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 22 (A189)**

Nyatakan kaedah yang digunakan untuk mencegah kacau ganggu burung gagak di kawasan perumahan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, burung gagak (*Corvus*) adalah sejenis burung pemangsa yang sering dikaitkan dengan masalah kacau ganggu di kawasan kediaman. Populasi gagak yang terlalu tinggi menyebabkan banyak masalah kepada penduduk sekitar kawasan perumahan. Hal ini menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk antaranya merosakkan bungkusan sampah yang menyebabkan ia bertaburan dan mengotorkan kawasan persekitaran serta masalah najis burung.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor, terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam mencegah dan menangani isu kacau ganggu burung gagak adalah sebagaimana berikut :

- i. kaedah menembak untuk mengurangkan kepadatan burung gagak dengan menggunakan senjata api
- ii. kaedah mengait sarang burung gagak dengan menghapuskan telur dan anak burung gagak
- iii. kaedah memasang '*netting*' di tempat laluan burung
- iv. kaedah meracun

Pelaksanaan ini juga melibatkan beberapa agensi antaranya, Jabatan Perhilitan Daerah, Jabatan Veterinar dan PDRM.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 23 (A88)**

Kawasan kebun Kampung Solok Tangkak telah mengalami masalah banjir sebanyak 5 kali sejak Mac 2020, apakah penyelesaian yang boleh diambil oleh JPS bagi mengatasi masalah banjir ini seperti kekurangan peruntukan bagi kerja-kerja mendalam dan membersihkan parit dalam kebun?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Berdasarkan maklumat yang diperolehi JPS, terdapat kejadian banjir di kawasan Kebun Kg Solok pada Mac, Mei dan Julai 2020. Bagi membantu masalah ini, pihak jabatan telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan melibatkan Ulu Sungai Tangkak (sepanjang 4.6 km), Parit Kebun Sayur A (300 meter), Parit Kebun Sayur B (2500 meter) dan Parit Kebun Sayur C (1600 meter). Kerja tersebut telah siap dijalankan oleh JPS Tangkak dari 22 September hingga 03 November 2020 yang lepas.

Walaupun penyelenggaraan dijalankan hampir setiap tahun, namun ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah dihadapi kerana kawasan tersebut mudah terlibat dengan banjir apabila hujan berlaku.

Kawasan kebun banyak menggunakan baja yang telah menyebabkan rumput dalam saluran cepat tumbuh. Sebelum tiba sampai waktu giliran pusingan penyelenggaraan seterusnya, kawasan saluran telah penuh dipenuhi oleh semak dan tumbuhan air.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 24 (A149)**

Berapakah jumlah permohonan Skim Insuran Pekerja (SIP) kepada PERKESO dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 2019 dan setakat Oktober 2020 di negeri Johor?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pekan Nenas berkenaan Berapakah jumlah permohonan Skim Insuran Pekerja (SIP) kepada PERKESO dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 2019 dan setakat Oktober 2020 di negeri Johor. Jumlah permohonan Skim Insuran Pekerja (SIP) di negeri Johor bagi tahun 2019 adalah sebanyak 4,157 permohonan. Ia melibatkan jumlah peruntukkan bagi pembayaran sebanyak RM9 juta. Manakala bagi tahun 2020 pula, jumlah permohonan Skim Insuran Pekerja (SIP) di negeri Johor yang telah direkodkan sehingga bulan Oktober 2020 oleh PERKESO adalah sebanyak 8,942 permohonan. Jumlah pembayaran yang telah dibuat melibatkan peruntukkan sebanyak RM25.9 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 25 (A72)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu pelajar-pelajar yang tercicir terutama di kawasan luar bandar akibat ketiadaan jaringan internet dan peranti untuk membolehkan mereka mengikuti kaedah pembelajaran secara atas talian?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor komited membantu mengoptimumkan kadar boleh capaian jaringan internet di kawasan luar bandar dengan kerjasama kerajaan negeri melalui perbincangan bersama SKMM dan wakil PIBG untuk meningkatkan kadar capaian meluas jaringan internet di kawasan luar bandar kepada capaian rangkaian fiber atau rangkaian LTE disamping memperkasakan penggunaan Pusat Internet Desa / Komuniti di kawasan luar bandar serta memperluaskan kemudahan Johor WiFi bagi tujuan akses capaian internet.
2. Sebagai alternatif jangka pendek, perbekalan Bahan Bacaan Tambahan (BBT) KPM berjumlah RM118,400 melibatkan 50 buah Sekolah Rendah serta 96 buah judul buku Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris boleh dimanfaatkan pihak sekolah sebagai bahan bacaan pinjaman kepada murid bagi tujuan pembelajaran tanpa peranti dan akses internet supaya tidak berlaku defisit pembelajaran.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 26 (A87)**

Masalah pembuangan sampah haram dan discharge air sampah merata-rata tempat masih tidak dapat diatasi sehingga sekarang. Minta menyatakan statistik jumlah kes berkaitan yang telah dijatuh hukuman dari tahun 2018 sehingga sekarang.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Kerajaan negeri mengambil maklum terhadap isu pembuangan sampah haram dan *discharge* air sampah merata-rata tempat masih tidak dapat diatasi sehingga sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kesalahan pembuangan dan pelonggokan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, pihak SWCorp sentiasa komited membanteras kegiatan pembuangan dan pelonggokkan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan. Sehingga kini, kes-kes yang telah didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 71 (1) Akta 672 adalah sebanyak 19 kes dengan jumlah denda sebanyak RM305,000 dan seorang OKT telah dipenjarakan selama 1 tahun. Semua tertuduh adalah pelaku iaitu orang yang bertanggungjawab membuang dan melonggokkan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan.

Sehubungan itu, terdapat 15 kertas siasatan yang masih dalam siasatan dan semakan TPR sebelum kes tersebut didakwa ke mahkamah. Pihak SWCorp juga turut mengadakan libat urus bersama penduduk setempat bagi mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti pelonggokkan sisa pepejal terkawal di tempat yang tidak dibenarkan jika berlaku di kawasan mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 27 (A186)**

Apakah status pembinaan Pusat Dialisis di Felda Tenggara 2?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Projek pembinaan Pusat Hemodialisis Tenggara 2 telah ditetapkan untuk dilaksanakan oleh Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara reka dan bina. Proses untuk memuktamadkan reka bentuk bangunan serta "*room data interaction*" telah berlangsung bersama pakar perubatan Nefrologi dari Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dari bulan Mei 2019 sehingga Ogos 2019. Bagi kelulusan Kebenaran Merancang projek, pihak Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan sedang memuktamadkan keperluan-keperluan pembinaan infrastruktur lain seperti laluan keluar masuk, "AC/DC lane" dan lain-lain keperluan yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi berkaitan.

Status Projek ini adalah di peringkat semakan akhir dokumen tender dan akan diiklankan setelah proses rundingan kelulusan Kebenaran Merancang tersebut selesai dan juga projek ini tidak melebihi kos siling projek yang ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 28 (A37)

Apakah kerajaan bercadang untuk menaikkan denda kepada pengilang-pengilang yang mencemarkan sungai-sungai yang menjadi sumber air mentah kepada Loji Penapis Air?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tanjung Surat**, kerajaan negeri dari semasa ke semasa telah pun melakukan siasatan serta mengenakan kompaun kepada pengilang-pengilang yang terlibat dengan aktiviti pencemaran sungai ini.

Untuk makluman dewan yang mulia, terdapat cadangan untuk menaik taraf Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) kepada sebuah Lembaga Urus Air dan kini sedang dalam perincian untuk melantik pakar runding bagi melaksanakan kajian dalam mengkaji keberkesanan dan impak yang bakal diwujudkan.

Pihak perunding juga akan memperincikan dengan lebih lanjut tentang fungsi penubuhan lembaga dan implikasi kepada Kerajaan Negeri Johor serta penggubalan enakmen yang baharu bagi memberi punca kuasa kepada entiti tersebut jika cadangan ini dilaksanakan.

Kerajaan Negeri Johor sememangnya berhasrat untuk mengkaji kadar kompaun dan denda melalui kajian yang bakal dilaksanakan. Ini selari dengan tindakan Dewan Undangan Negeri Selangor baru-baru ini yang telah meluluskan pindaan Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) (Pindaan 2020) di mana salah satu inti pati pindaan adalah melibatkan kadar denda yang tinggi bagi mencegah isu pencemaran sumber air kerap berulang.

Untuk makluman **Yang Berhormat** sekalian, untuk rekod, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Johor melalui BAKAJ telah merujuk tiga (3) buah kertas siasatan manakala bagi tahun 2020, dua (2) buah kertas siasatan telah dirujuk ke pihak Pendakwaan Negeri Johor untuk tujuan mendapatkan izin kompaun bagi membenarkan pentadbiran ini melaksanakan tindakan kompaun terhadap pesalah-pesalah yang telah melakukan pencemaran sumber air mentah dengan sengaja.

Kesemua kes tersebut telah menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) menghadapi kesukaran dalam merawat air mentah dimana kapasiti pengeluaran berkurangan kepada lima puluh peratus (50%) dan dalam sesetengah kes hingga menyebabkan penutupan LRA.

Nilai denda yang diperuntukkan dibawah Seksyen 7A Enakmen Air 1921 (Pindaan 2014) bagi kesalahan pencemaran sumber air mentah adalah sebanyak

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

RM500,000.00 manakala nilai kompaun yang boleh dikenakan adalah maksimum sebanyak RM250,000.000.

Bagi tahun 2019, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh BAKAJ adalah sebanyak RM350,000.00 di mana pecahan RM50,000.00, RM100,000.00 dan RM150,000.00 bagi setiap satu bergantung kepada keseriusan kes. Kesemua kompaun telah dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari bagi mengelakkan tindakan mahkamah dikenakan ke atas pesalah-pesalah.

Bagi tahun 2020, BAKAJ sedang dalam tindakan untuk mengeluarkan Notis Tawaran untuk mengkompaun kesalahan kepada pesalah-pesalah di mana nilai yang akan dikenakan adalah sebanyak RM50,000 hingga RM150,000.00 bagi setiap satu kes.

Untuk makluman dewan yang mulia, berdasarkan jumlah siasatan yang telah dikendalikan oleh BAKAJ untuk kedua-dua tahun, terdapat jumlah penurunan kes dan BAKAJ optimis dalam membendung kes yang melibatkan pencemaran sumber air mentah dimana BAKAJ turut mengambil pendekatan dalam melaksanakan kempen kesedaran terhadap kepentingan air mentah bagi memastikan kelestarian sumber tersebut terpelihara dari sebarang bentuk ancaman.

Tumpuan utama kempen tersebut disasarkan kepada pemain-pemain industri kilang yang kurang peka terhadap kegunaan sumber air mentah.

Selain itu, BAKAJ turut melaksanakan pemantauan berkala di premis-premis berisiko di sekitar lembangan sungai di Negeri Johor termasuklah kilang-kilang kelapa sawit, premis-premis perindustrian, ladang penternakan, tapak pelupusan sampah serta aktiviti perlombongan pasir bagi mengekang penularan kes pencemaran yang kian berleluasa di sesetengah negeri.

Kerjasama di antara BAKAJ dan penduduk sekitar juga amatlah diperlukan dalam menyalurkan maklumat awal bagi membolehkan tindakan awal dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 29 (A100)

Apakah sudah ada penyelesaian atau peruntukan yang dijanjikan untuk penyaluran air dari Sungai Sedili melalui takungan Sungai Gembut bagi bekalan air ke Loji Lok Heng ? Mohon penjelasan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Johor Lama** berkaitan penyaluran air dari Sungai Sedili melalui takungan Sungai Gembut bagi bekalan air ke Loji Lok Heng

Untuk makluman dewan yang mulia, bagi mengatasi masalah yang dihadapi, iaitu kemerosotan sumber air mentah yang sering berlaku di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Gembut dan LRA Lok Heng ketika berlaku fenomena el-nino, Kerajaan Negeri Johor melalui surat bertarikh 26 Februari 2019 telah membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Pemindahan Air Mentah dari Sungai Sedili Besar yang akan disalurkan ke LRA Sungai Gembut, dan kajian berkenaan dijangka siap pada September 2021.

Kini, Kerajaan Persekutuan, melalui Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air sedang melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Barrage Sungai Sedili Besar bagi meningkatkan *yield* (dengan izin) air mentah dan menghalang penerobosan air masin ke rumah pam air mentah sedia ada. Kajian tersebut dijangka akan dapat mengenalpasti lebihan *yield* (dengan izin) air mentah Sg. Sedili Besar bagi di salurkan ke LRA Sungai Gembut.

Untuk makluman **Yang Berhormat Johor Lama**, pada masa ini kira-kira 260 juta liter sehari (JLH) air mentah Sungai Sedili Besar telah disalurkan ke Empangan Seluyut oleh PRPC Water Sdn Bhd. Manakala Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air pula akan melaksanakan Projek Layang 2, Fasa 1 pada tahun 2021. Sebanyak 260 JLH lagi akan disalurkan ke Empangan Selulut menjelang tahun 2023 apabila siapnya Projek Layang 2, Fasa 1. Pada masa ini, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air telah menyiapkan laporan tender dan dijangka dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Kementerian Alam Sekitar dan Air pada bulan Disember ini.

Berdasarkan maklumat terkini, cadangan Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Sedili Besar ke LRA Sungai Gembut dengan anggaran kos sebanyak RM40.77juta yang berada dalam senarai RMK12 masih belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan. Cadangan projek ini berada dalam senarai keutamaan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Johor yang dijangka boleh membekalkan air mentah kepada LRA Sungai Gembut sebanyak 20JLH.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

Sekiranya projek ini dilaksanakan, maka LRA Sungai Gembut dan LRA Lok Heng akan dapat beroperasi sepanjang tahun kerana mempunyai sumber air mentah yang berterusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 30 (A77)

Apakah status perkembangan dan rancangan pembukaan semula Tambak Johor?

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 31 (A125)

Sejauh manakah perkembangan perundingan yang dijalankan untuk membuka balik sempadan antara Malaysia-Singapura ke arah membantu memulihkan ekonomi Johor Bahru yang sangat terkesan dengan pandemik Covid-19?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 32 (A190)

Apakah cadangan-cadangan dan usaha Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat supaya lebih ramai lagi yang boleh merentas sempadan Johor dengan Singapura

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A77, A125 & A190)

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan daripada **Yang Berhormat Stulang, Yang Berhormat Kota Iskandar, Yang Berhormat Perling.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu sempadan merupakan perkara yang melibatkan hubungan antara dua buah negara. Namun begitu, Kerajaan Negeri Johor, telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan rakyat Malaysia yang tinggal di negeri Johor, khususnya bagi mereka yang bekerja di Singapura dapat kembali bekerja di republik itu.

Pada Jun 2020, satu *Standard Operation Procedure* (SOP) untuk aturan keluar dan masuk Malaysia dan Singapura, melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) iaitu Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) telah dihantar kepada Kerajaan Persekutuan.

SOP cadangan ini telah disemak dan diteliti oleh pihak Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan-Jabatan berkepentingan yang telah dibawa ke perundingan dengan Kerajaan Singapura, melalui Kementerian Luar Negeri.

Hasil persefahaman antara negara Malaysia dan Singapura, terdapat dua cadangan balas telah dipersetujui, iaitu *Periodical Commuting Arrangement* (PCA) bagi tujuan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

bekerja dan *Reciporocal Green Lane* (RGL) bagi tujuan perniagaan merupakan antara inisiatif tersebut.

Perlaksanaan bagi kedua-dua skim ini mendapat sambutan yang baik daripada golongan mereka yang bekerja di Singapura. Sehingga **14 November 2020**, bilangan pengunjung yang menggunakan skim ni adalah seramai **14,768** pengunjung.

Sehubungan dengan itu, kejayaan serta sambutan baik yang diterima susulan daripada pelaksanaan bagi kedua-dua skim ini telah membuktikan bahawa inisiatif yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Johor bersama Kerajaan Persekutuan ini berupaya memberikan manfaat kepada warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura.

Rentetan daripada pelaksanaan bagi kedua-dua skim ini, kerajaan negeri dalam usaha memohon pembukaan semula sempadan Malaysia dan Singapura bagi tujuan ulang-alik harian iaitu Daily Commuting Arrangement (DCA). Kerajaan Negeri telah mengesyorkan Standard Operation Procedure (SOP) kategori DCA kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) pada 26 Oktober 2020 dan pada 9 November 2020. Pihak KLN telah memaklumkan bahawa perkara tersebut telah dipanjangkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kajian kewajaran kesihatan dan melalui perbincangan teknikal bersama Pihak Kementerian Kesihatan Singapura.

Sekiranya SOP DCA ini boleh dilaksanakan, maka ianya akan dibentangkan pada Sidang Khas MKN sebelum dibawa berunding bersama Kerajaan Singapura.

Pengenalan SOP DCA ini memfokuskan aturan SOP pergi dan balik secara harian bagi kategori pekerja dan kategori pelajar. Pengajar dan ibu bapa bagi pelajar untuk keluar masuk ke Johor dan Singapura.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan skim DCA ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan kapasiti dari 10,000 hingga 30,000 sehari untuk menjalankan ujian swab hasil kolaborasi bersama makmal-makmal persendirian yang diakreditasi oleh Institute of Medical Research (IMR).

Hal ini membuktikan bahawa kerajaan negeri sentiasa berusaha dan komited dalam memastikan usaha pembukaan sempadan ini dapat terus direalisasikan tanpa mengetepikan kepentingan kesihatan dan keselamatan awam rakyat di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)

SOALAN 33 (A136)

Apakah pendirian kerajaan Johor dalam isu peruntukan RM85.5 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) seperti yang terdapat dalam Belanjawan 2021 Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Paloh** berkaitan pendirian kerajaan Johor mengenai isu peruntukan RM85.5 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) seperti mana pengumuman semasa pembentangan Belanjawan 2021 oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, baru-baru ini.

Kita perlu melihat penjenamaan semula JASA ini sebagai sesuatu yang positif. Ini kerana, JASA akan bertindak sebagai agensi penyebaran maklumat dan komunikasi secara tersusun, strategik serta bersasar mengikut keperluan segmen masyarakat. Lebih-lebih lagi ketika negara sedang dilanda pandemik COVID-19, kita perlu mengekang penularan berita-berita palsu, sekali gus dapat menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih ke segenap lapisan masyarakat.

Jelas sekali, penjenamaan semula JASA ini tidak dianggotai oleh pasukan bermotifkan politik tetapi sebaliknya membabitkan kumpulan yang ditugaskan untuk mengukuhkan sahsiah serta pembangunan sosial masyarakat berbilang bangsa.

Perlu kita faham bahawa peruntukan yang diberikan itu adalah bertujuan untuk pengambilan lebih ramai kakitangan bagi ditempatkan di semua negeri dan daerah seluruh negara, pembangunan modul dan latihan kompetensi kepada JASA.

Untuk makluman dewan yang mulia, seiring dengan era digital kini, JASA perlu bergerak dengan pengetahuan serta prasarana digital bagi tujuan penyebaran maklumat dalam pelbagai bentuk komunikasi supaya ia dapat disampaikan secara lebih berkesan.

Menyedari keperluan digital ini, negeri Johor juga kini sedang giat menyediakan *Johor Digital Masterplan* (dengan izin) yang diterjemahkan sebagai usaha kerajaan negeri dalam menyokong era digital dengan menyediakan infrastruktur dan eko-sistem digital bertaraf global.

Saya berpandangan bahawa tidak perlu ada pihak-pihak yang mempertikaikan penjenamaan semula JASA ini memandangkan ia membawa lebih banyak kebaikan dari keburukan kepada masyarakat secara menyeluruh.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

Malah, peruntukan yang diterima juga tidak boleh sewenang-wenangnya dibelanjakan memandangkan JASA bertanggungjawab untuk mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh, termasuk pemimpin masyarakat sivil dan pemimpin komuniti setempat dalam mendapatkan input penting yang konstruktif.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, segala perbelanjaan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan kerajaan yang akan diaudit dan peruntukkan itu sudah pasti akan dimanfaatkan sebaik mungkin.

Menerusi peruntukan ini juga secara langsung berupaya memberi peluang pekerjaan di samping menggiatkan ekonomi yang memberi manfaat kepada pihak penyedia perkhidmatan dan pekerja secara keseluruhannya.

Jika kita imbas kembali, JASA sudah berusia 58 tahun dan ditamatkan perkhidmatannya pada tahun 2018 ketika di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kini selepas kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengambil alih pentadbiran, kerajaan pusat telah membuat keputusan untuk penjenamaan semula JASA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 34 (A217)

Nyatakan perancangan kerajaan negeri sama ada akan meluluskan pindaan undang-undang bagi meminda umur minimum kelayakan menjadi ADUN Negeri Johor kepada 18 tahun selaras pindaan Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Maharani**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor telah menyediakan kertas kelulusan bagi cadangan pindaan Fasal 16 Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895, iaitu bagi pindaan kelayakan umur menjadi ahli Dewan Negeri.

Kertas kelulusan tersebut telah di bawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 15 Julai 2020.

Walaupun, Kerajaan Negeri telah menolak cadangan pindaan tersebut dan cadangan pindaan tersebut tidak akan dibawa ke Badan Perundangan Negeri untuk dibentangkan dan diluluskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 35 (A118)

Apakah cara penyelesaian terhadap defisit terkumpul sebesar RM1.246 bilion oleh anak syarikat GLC, mengikut Laporan Ketua Audit Negara pada akhir tahun 2018?

YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)

SOALAN 36 (A107)

Bagaimanakah prestasi semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Johor setakat ini? Mohon penjelasan tentang kedudukan kewangan dan keseluruhan prestasi perniagaan mereka.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A118 & A107)

Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab bersekali soalan daripada **Yang Berhormat Mengkibol** dan **Yang Berhormat Kukup**.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Bahagian Analisa & Pengurusan Strategik, Perbendaharaan Negeri Johor telah ditubuhkan pada November 2019 untuk memantau prestasi Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor (GLC).

Bahagian itu, kini sedang melaksanakan kajian program Transformasi GLC Negeri Johor dengan usaha sama pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menstruktur dan menentukan semula hala tuju Badan Berkanun Negeri dan juga Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Johor bagi menjana pendapatan yang lebih baik dan juga memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri.

Laporan terperinci mengenainya akan dibentangkan pada tahun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 37 (A76)

PKPB hanyalah langkah penyelesaian jangka masa pendek bagi mengawal penularan Covid-19. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan satu pelan tindakan untuk membantu rakyat menjalani kehidupan seperti biasa dalam norma baru agar mereka dapat bekerja seperti biasa dan seterusnya memulihkan ekonomi mereka?

YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)

SOALAN 38 (A106)

Apa perancangan Kerajaan dalam pemulihan ekonomi Johor ekoran masalah pandemik Covid-19 yang dilihat semakin berpanjangan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A76 & A106)

Terima Kasih Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Raja dan soalan Yang Berhormat Kukup secara bersekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri sedar bahawa sektor perniagaan amat terkesan dengan penularan wabak COVID-19 ini. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada rakyat serta pihak-pihak berkepentingan serta selari dengan norma baharu, kerajaan negeri telah memberi penekanan terhadap beberapa aspek bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Antaranya, melalui pendekatan dan sokongan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam bentuk geran dan latihan termasuk dalam aspek digital dan peluasan pasaran. Secara keseluruhannya kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM8 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad bagi melaksanakan inisiatif ini tidak termasuk bantuan dari jabatan dan agensi negeri dan persekutuan yang lain. Kerajaan negeri juga telah mengemukakan permohonan sebanyak RM254 juta bagi dana tambahan berdasarkan keperluan semasa PKS di negeri Johor.

Selain itu, kerajaan negeri juga memberi penekanan terhadap aspek latihan *reskilling* dan *upskilling* bagi membantu golongan pekerja yang terjejas bagi meningkatkan kapasiti mereka di dalam pekerjaan. Kerajaan negeri telah meningkatkan peruntukan ini daripada RM3 juta kepada RM6 juta pada tahun 2021. Jalinan persefahaman dan kerjasama dengan jabatan/ agensi lain, khususnya di peringkat persekutuan di dalam penyelarasan bentuk latihan kepada pekerja-pekerja yang terjejas.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

Kerajaan negeri juga amat mengalu-alukan pendekatan kerajaan persekutuan yang memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan di dalam sektor yang tidak kritikal seperti pembuatan dan perkhidmatan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Bagi sektor berasaskan pelancongan, kerajaan amat sedar betapa segmen ini amat terjejas dengan penutupan sempadan sehubungan dengan itu, kerajaan negeri akan memberikan tumpuan terhadap usaha memperomosi sektor pelancongan khususnya pelancongan domestik dan bentuk insentif kepada industri pelancongan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 39 (A129)

Apakah kaedah untuk memastikan setiap pembangunan yang dijalankan didalam kawasan DUN melibatkan perancangan, perbincangan dan pemakluman kepada ADUN kawasan tersebut bagi memastikan pembangunan yang menepati kehendak rakyat.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Mahkota**, kerajaan menyediakan platform bagi penglibatan daripada pelbagai pihak dalam perancangan pembangunan negeri daripada peringkat akar umbi.

Yang Berhormat ADUN boleh mengemukakan cadangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) iaitu Pegawai Daerah sebagaimana diperuntukkan oleh Arahan No. 1 2020 : Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi memastikan setiap pembangunan yang dijalankan di dalam kawasan DUN melibatkan perancangan, perbincangan dan pemakluman kepada ADUN kawasan tersebut bagi memastikan pembangunan yang menepati kehendak rakyat, terdapat kaedah atau punca kuasa yang dirujuk sebagaimana di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Di bawah Akta ini terdapat beberapa proses penyediaan sesuatu Rancangan Tempatan sepertimana berikut:

Peringkat 1: Publisiti Awal oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk memaklumkan kepada orang awam dan 'stakeholders' mengenai penyediaan, matlamat dan kandungan Draf Rancangan Tempatan.

Peringkat 2: Penyediaan Draf Rancangan Tempatan

Peringkat 3: Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan

Peringkat 4: Pewartaan dan Pembatalan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 40 (A117)

Bolehkah ADUN pembangkang juga menghadiri dalam mesyuarat, taklimat atau perbincangan mengenai Covid-19 yang dipanggil oleh pihak kerajaan peringkat daerah dan PBT?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli **Yang Berhormat Mengkibol**, Kerajaan Negeri Johor tiada halangan untuk melibatkan wakil rakyat pembangkang dalam perbincangan mengenai COVID-19 di peringkat daerah, mahupun di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah bergantung kepada keperluan semasa mesyuarat tersebut dilaksanakan serta ketua jabatan yang menyelaraskan perbincangan berkenaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 41 (A33)

Apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan berkenaan masalah lombong haram di Parit Kangkar, Ayer Hitam agar tidak membahayakan keselamatan orang ramai khususnya kanak-kanak dan pelajar sekolah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Yong Peng**, berdasarkan semakan Pentadbiran Tanah Johor, didapati tiada lagi aktiviti-aktiviti pengorekan yang dijalankan di atas tapak tersebut.

Untuk makluman dewan yang mulia, di tapak berkenaan, terdapat kolam berkeluasan lebih kurang 1.214 hektar (3 ekar) di atas tanah berhakmilik, iaitu Lot 4855 (GRN 47448) seluas 10.889 Hektar (26.906 ekar) dan Lot 4830 (GRN 26625) seluas 3.2501 hektar (8.031 ekar) di Mukim Sri Gading, Daerah Batu Pahat. Kategori bagi kedua-dua plot tanah ini adalah pertanian dan syarat nyata adalah tanaman getah.

Berdasarkan semakan pentadbiran ini juga mendapati, aktiviti ini telah dijalankan dengan persetujuan daripada salah seorang pihak yang berkepentingan (pemilik) di Lot 4830 (GRN 26625) dan Lot 4855 (GRN 47448) dan telah dilaksanakan lebih kurang 3 tahun dengan tujuan asal adalah pengorekan emas.

Oleh itu, Pentadbiran Tanah Johor telah mengeluarkan Notis Pelanggaran Syarat (7A) di bawah Seksyen 127 KTN 1965 ke atas pemilik Lot 4855 (GRN 47448) dan Lot 4830 (GRN 26625). Namun demikian, tempoh notis berkenaan telah tamat pada 4 Oktober 2019, dan pada 14 Oktober 2019, pemilik tanah telah pun membuat rayuan kepada Pentadbiran Tanah Johor berkaitan perlanjutan tempoh pemulihan perlanggaran syarat tanah selama 10 bulan daripada pemilik tanah Lot 4830 (GRN 26625).

Walau bagaimanapun sehingga kini, Pentadbiran Tanah Johor mendapati tiada sebarang pemulihan syarat yang dijalankan oleh pemilik tanah tersebut. Dan, pada 11 November 2020, Pentadbiran Tanah Daerah Batu Pahat telah mengeluarkan notis terakhir bagi Perlanggaran Syarat (7A) di bawah Seksyen 127 KTN 1965 ke atas pemilik Lot 4855 (GRN 47448) dan Lot 4830 (GRN 26625) dan notis ini masih berkuat kuasa selama 30 hari sehingga 11 Disember 2020.

Untuk makluman **Yang Berhormat Yong Peng**, jika tiada sebarang tindakan pemulihan perlanggaran syarat tanah daripada pemilik tanah, Pentadbiran Tanah Johor akan mengambil tindakan serta-merta untuk melaksanakan pengendorsan di bawah Seksyen 127 KTN 1965 ke atas hak milik GRN 26625 (Lot 4830) dan GRN 47448 (Lot 4855), Mukim Sri Gading dan melaksanakan pelucutkan hak milik tanah di bawah Seksyen 129 KTN 1965.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 42 (A68)

Dalam masa 5 tahun kebelakangan ini, berapa luas tanah yang dikeluarkan daripada status Hutan Simpan Kekal (HSK) dan senaraikan di mana luas dan tujuan begitu juga kawasan mana kawasan tanah yang ditukar statusnya menjadi HSK?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Johor, dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini, mulai tahun 2016 hingga 2020, seluas 1,338 hektar kawasan HSK telah diwartakan keluar bagi tujuan projek pembangunan, kawasan penempatan dan perkampungan Orang Asli.

Dalam tempoh sama, seluas 1,900 hektar kawasan Tanah Kerajaan telah diwartakan sebagai HSK. Ini menjadikan keluasan HSK di Negeri Johor pada masa kini adalah seluas 334,292 hektar atau 17% daripada keluasan tanah di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 43 (A191)

Apakah usaha-usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu rumah setinggan yang terkini?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Perling**, pencerobohan dan penerokaan tanah kerajaan atau tanah rizab merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara yang mana jika disabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak lebih lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Tanah Kerajaan, termasuklah semua tanah yang dipegang oleh pihak Kerajaan Persekutuan atau Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun.

Bagi pelan jangka pendek, kawasan setinggan yang mungkin digunakan oleh kerajaan dalam jangka masa pendek atau kawasan setinggan yang tidak berisiko tinggi, penduduk setinggan yang layak, boleh diperakukan untuk diberikan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) berdasarkan sokongan dan ulasan jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya. Contoh penempatan setinggan yang diberikan LPS adalah Kampung Plentong Baru, Kampung Sri Paya dan Kampung Senibong di daerah Johor Bahru.

Untuk makluman Dewan yang mulia, setinggan yang menduduki kawasan yang berisiko tinggi dan kawasan yang terlibat dalam rancangan pembangunan kerajaan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 KTN akan dilaksanakan bagi memindahkan penduduk setinggan ke kawasan penempatan baru yang disediakan oleh kerajaan sebagai contoh Kampung Hajjah Hasnah, Kampung Belantik dan Kampung Bakar Batu di daerah Johor Bahru.

Bagi kawasan setinggan di Larkin, pihak Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) telah membina sebanyak 248 unit Rumah Kos Rendah yang berharga RM25 ribu di Pembangunan Desa Larkin bagi menempatkan setinggan yang merangkumi empat kampung, iaitu Kampung Aman, Kampung Sri Kenangan, Kampung Rajawali dan Kampung Sri Paya.

Pentadbiran Tanah Johor juga akan membuat penguatkuasaan serta pemantauan berkala bagi mencegah wujudnya rumah-rumah setinggan baru di kawasan-kawasan setinggan yang telah dibuat banciaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri Johor memandang serius isu penempatan-penempatan semula setinggan di negeri Johor. oleh itu, *taskforce* (dengan izin) di peringkat daerah telah diarahkan untuk menyelaraskan dan merancang penyelesaian setinggan di daerah masing-masing.

Antara cadangan penyelesaian yang dikenal pasti bagi menyelesaikan isu rumah setinggan yang terkini adalah dengan menempatkan penduduk-penduduk setinggan yang berkelayakan di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ).

Pada tahun 2020, Jabatan Perumahan Negara telah menyiapkan dua (2) buah PPR, iaitu PPR Taman Pelangi Indah dan PPR Taman Perling, Daerah Johor Bahru dan menyerahkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan bagi tujuan pengisian.

Selain itu, Kerajaan Negeri Johor melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bersama pihak pemaju swasta juga membangunkan RMBJ di seluruh daerah dan sasaran pembinaannya sebanyak 5,659 unit siap dibina pada tahun 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 44 (A150)

Apakah tindakan kerajaan dalam usaha membendung masalah 'Ah Long' yang semakin berleluasa dan bagaimana kerajaan mengatasi serta menyelesaikan sindiket Ah Long yang menggunakan talian dari luar negara?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Pekan Nanas**, PDRM Johor sentiasa komited dalam usaha membendung masalah 'ah long' dari semasa ke semasa menerusi hebahan di media sosial dan kempen secara bersemuka dengan sentiasa mengingatkan dan memberikan nasihat kepada orang ramai agar tidak membuat pinjaman dengan 'ah long' yang menjalankan aktiviti mereka secara haram.

Selain itu, orang awam diingatkan supaya tidak sesekali mudah percaya terhadap iklan-iklan pinjaman wang yang dilihat melalui poster, banner dan laman sosial. Orang awam digalakkan untuk mendapatkan pinjaman wang daripada institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) seperti bank konvensional, koperasi kerajaan dan pemberi pinjam wang yang dilesenkan di bawah KPKT.

Jika berhadapan dengan masalah kewangan, orang awam diingatkan untuk terus mendapatkan nasihat pinjaman perbankan secara percuma daripada institusi kewangan yang diiktiraf seperti Agensi Kewangan dan Pengurusan Kredit (AKPK). Malah, orang awam boleh membuat laporan segera kepada pihak polis sekiranya mempunyai sebarang maklumat berkaitan 'ah long'.

Berkenaan penggunaan talian dari luar negara pula, pihak PDRM sentiasa bekerjasama dengan pihak polis negara yang terlibat dan TELCO bagi mengenal pasti pemilik talian dan seterusnya menyekat talian berkenaan.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Oktober 2020, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kontinjen Johor sahaja (tidak termasuk tindakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah) telah membuka sejumlah 344 kertas siasatan ke atas laporan polis yang melibatkan 'ah long', di mana seramai 280 orang telah ditangkap.

Daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai 142 orang telah dituduh di mahkamah dan 5 orang telah dikenakan tindakan tahanan dan juga sekatan di bawah undang-undang pencegahan.

Laporan polis terhadap kegiatan 'ah long' disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan, Seksyen 435 Kanun Keseksaan, Seksyen 436 Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951,

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 01 DISEMBER 2020**

Seksyen 29B (1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Seksyen 29B (2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Tindakan ke atas kegiatan 'ah long' dijalankan secara berterusan dari semasa ke semasa. Kerjasama dari orang ramai dalam menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan 'ah long' adalah amat diperlukan dan mangsa disarankan untuk segera melaporkan kepada pihak polis sekiranya mereka diugut atau sebagainya.